

Headline	Kami akan bela mereka sewajarnya		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	22	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,705
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,115



'Kami akan bela mereka sewajarnya'

Putrajaya: Kementerian Pendidikan akan memastikan pelajar dan kakitangan termasuk pensyarah Universiti Antarabangsa Al-Bukhary mendapat pembelaan sewajarnya termasuk ditempatkan di institusi pengajian tinggi lain di negara ini.

Jaminan itu diberikan Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh ketika diminta mengulas mengenai perkembangan terbaru penutupan operasi milik penuh hartawan tempatan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary yang beroperasi di Alor Setar, Kedah itu.

Idris berkata, pihaknya sudah menerima surat penutupan operasi daripada pengurusan universiti berkenaan.

Menurutnya, pihaknya tidak dapat menjelaskan punca sebenar membawa kepada penutupan operasi universiti itu, namun ia dipercayai disebabkan isu dalaman.

"Kami kini sedang memantau supaya kebajikan pelajar dan kakitangan universiti itu mendapat pembelaan sewajarnya.

"Kami juga sedang melakukan tinjauan dan perbincangan dengan pihak universiti terutama membabitkan masa depan pelajar dan kebajikan kakitangan termasuk pensyarah," katanya ketika ditemui selepas menyaksikan penyerahan sumbangan dana pendidikan Persatuan Alumni UiTM di sini, semalam.

Idris berkata, semua pelajar berkenaan akan ditempatkan di universiti lain berdasarkan kursus yang diambil.